



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE APPROACH OF *NAQLIYYAH* AND '*AQLIYYAH* IN *QIYĀS AL-BASĪT* AND *QIYĀS AL-MURAKKAB* BY TUAN HUSSEIN KEDAH ON THE NATURE OF *WAḤDĀNIYYAH* IN *HIDĀYAH AL-MUTAFAKKIRĪN*]

PENDEKATAN *NAQLIYYAH* DAN '*AQLIYYAH* SECARA *QIYĀS AL-BASĪT* DAN *QIYĀS AL-MURAKKAB* OLEH TUAN HUSSEIN KEDAH PADA SIFAT *WAḤDĀNIYYAH* DALAM *HIDĀYAH AL-MUTAFAKKIRĪN*

AHMAD HAFIZ ALI MAKDOM¹
MOHD HASRUL SHUHARI^{1*}

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: hasrulshuhari@unisza.edu.my

Received Date: 1 November 2023 • Accepted Date: 1 December 2023

Abstract

The nature of *waḥdāniyyah* is the most remarkable and noble attribute of all other attributes of Allah SWT. In fact, with the nature of *waḥdāniyyah*, the field of knowledge that speaks of divinity is named as the knowledge of tauhid which is the knowledge to suffocate Allah SWT. In fact, archipelago scholars such as Tuan Hussein Kedah load the *dalil* in *naqlī* and '*aqlī* to strengthen the hold of each *mukallaf* towards the oneness of Allah SWT. Therefore, this paper discusses specifically the nature of *waḥdāniyyah* of Allah SWT as debated by the *mutakallimin* scholars as well as the methodology of the debate of Tuan Hussein Kedah by *naqlī* and '*aqlī* in his work. This qualitative study uses documentation and content analysis through the text of *Hidayah al-Mutafakkirin* by Tuan Hussein. The debate aspect focused on the biography of Tuan Hussein Kedah briefly. Then, this study will include a debate on the nature of *salbiyyah* especially on the nature of *waḥdāniyyah*. Next, this paper will discuss the approach of Tuan Hussein Kedah to the methodology of the debate on the nature of *waḥdāniyyah* in *Hidayah al-Mutafakkirin* either by *naqlī* and '*aqlī*. As a result, the *waḥdāniyyah* debate in *Hidayah al-Mutafakkirin* contains the *dalil* of common sense by *al-qiyās al-basīṭ* first to prove the truth of the nature of *waḥdāniyyah* then followed by *dalil naqlī* and *dalil akal al-qiyās al-murakkab* as a reinforcement to the previous *dalil* of reason by Tuan Hussein Kedah through the method of *al-qiyās al-iqtirānī*.

Keywords: *Waḥdāniyyah*; Tuan Hussein Kedah; *Hidayah al-Mutafakkirin*; *al-Qiyas al-Basīṭ*; *al-Qiyās al-Murakkab*

Abstrak

Sifat *waḥdāniyyah* merupakan sifat yang paling agung dan mulia daripada segala sifat-sifat Allah SWT yang lain. Bahkan dengan sifat *waḥdāniyyah* ini menyebabkan bidang ilmu yang

membicarakan berkenaan dengan ketuhanan dinamakan sebagai ilmu tauhid iaitu ilmu untuk mengesakan Allah SWT. Bahkan ulama-ulama Nusantara seperti Tuan Hussein Kedah memuatkan dalil secara *naqlī* dan *‘aqlī* bagi mengukuhkan pegangan setiap *mukallaf* terhadap keesaan Allah SWT. Oleh yang demikian, makalah ini membahaskan secara khusus berkenaan dengan sifat *wahdāniyyah* Allah SWT sepertimana yang dibahaskan oleh para ulama mutakallimin serta metodologi perbahasan Tuan Hussein Kedah secara *naqlī* dan *‘aqlī* dalam karyanya. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan analisis kandungan menerusi teks *Hidayah al-Mutafakkirīn* karya Tuan Hussein. Aspek perbahasan tertumpu kepada biografi Tuan Hussein Kedah secara ringkas. Kemudian, kajian ini akan memuatkan perbahasan sifat *salbiyyah* khususnya pada sifat *wahdāniyyah*. Seterusnya, makalah ini akan membincangkan berkenaan pendekatan Tuan Hussein Kedah terhadap metodologi perbahasan sifat *wahdāniyyah* dalam *Hidayah al-Mutafakkirīn* sama ada secara *naqlī* dan *‘aqlī*. Hasilnya, perbahasan *Wahdāniyyah* dalam *Hidayah al-Mutafakkirīn* memuatkan *dalil* akal secara *al-qiyās al-basīṭ* terlebih dahulu bagi membuktikan kebenaran sifat *wahdāniyyah* kemudian disusuli oleh *dalil naqlī* dan *dalil* akal secara *al-qiyās al-murakkab* sebagai pengukuhan kepada *dalil* akal sebelumnya oleh Tuan Hussein Kedah menerusi kaedah *al-qiyās al-iqtirānī*.

Kata kunci: *Wahdaniyyah*; Tuan Hussein Kedah; *Hidayah al-Mutafakkirīn*; *al-Qiyās al-Basīṭ*; *al-Qiyās al-Murakkab*

Cite as: Ahmad Hafiz Ali Makdom & Mohd Hasrul Shuhari 2023. Pendekatan *Naqliyyah* dan *‘Aqliyyah* Secara *Qiyās al-Basīṭ* dan *Qiyās al-Murakkab* oleh Tuan Hussein Kedah Pada Sifat *Wahdāniyyah* Dalam *Hidāyah al-Mutafakkirīn*. [The Approach Of *Naqliyyah* And *‘aqliyyah* In *Qiyās Al-Basīṭ* And *Qiyās Al-Murakkab* By Tuan Hussein Kedah On The Nature Of *Wahdāniyyah* In *Hidāyah Al-Mutafakkirīn*]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(2): 36-51.

PENGENALAN

Allah SWT merupakan zat yang memiliki sifat-sifat kesempurnaan dan ternafi padanya segala sifat yang membawa kepada kekurangan (al-Bayjuri, 2010). Bukan itu sahaja, bahkan sifat yang paling mulia antara segala sifat yang dibahaskan ialah *wahdaniyyah* yang menunjukkan keesaan Allah SWT dari sudut zat, sifat dan perbuatan (al-Bantani, 2007 ; Ismail al-Fatani, t.th). Oleh sebab itu, sebahagian para ulama *mutakallimīn* menamakan perbahasan ilmu berkenaan dengan sifat-sifat Allah SWT sebagai ilmu tauhid. Tuan Hussein Kedah yang merupakan salah satu ulama Tanah Melayu ini turut memuatkan perbahasan sifat *wahdaniyyah* Allah SWT dalam karyanya yang terkenal iaitu *Hidāyah al-Mutafakkirīn*.

Walaupun begitu, terdapat sedikit perbezaan dari sudut metodologi perbahasan dalil dalam menetapkan sifat *wahdaniyyah* Allah SWT berbanding dengan karya-karya ulama Nusantara yang lain seperti Sheikh Wan Ismail al-Fatani (t.th) dalam *Tabṣirah al-Adānī bi Alḥān Bākūrah al-Amānī*, Sheikh Ahmad al-Fatani (t.th) dalam *Farīdah al-Farā’id fī ‘Ilm al-‘Aqā’id*, Sheikh Abd al-Qadir Wangah (t.th) dalam *Taqrīb al-Ikhwān* dan sebagainya. Hal ini demikian kerana Tuan Hussein Kedah (t.th) telah meletakkan dalil *naqlī* daripada al-Quran terlebih dahulu sebagai hujah yang utama sebelum mengaplikasikan *qiyās* secara *al-murakkab* sebagai rujukan dalil akal dalam pengukuhan dalil *naqlī*. Tuan Hussein Kedah (t.thn) telah menyebutkannya sebagaimana berikut:

“...(Adapun) dalilnya iaitu firman Allah Ta‘ālā *وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌُ وَاحِدٌ* ertinya bermula tuhan kamu iaitu tuhan yang esa ia (ketahui olehmu) bahawasanya Allah Ta‘ālā jikalau tiada bersifat ia dengan Wujud yang *ḥaqīqī* dan *Qidam* dan *Baqā’* dan *Mukhālafatuhu Ta‘ālā li al-Ḥawādith* dan *Qiyāmuhu binafsihi* dan *Wahdāniyyah* nescaya bersifatlah ia dengan segala lawan sifat yang tersebut itu dan lazim daripada baharu ia dan lemah ia dan kekurangan ia maka berkehendaklah ia kepada orang yang menjadi akan dia dan kepada orang yang menghilang daripadanya akan kekurangannya dan keluarlah ia daripada daripada keadaannya ia tuhan yang disembah dengan sebenarnya dan tiadalah dapat ia mengadakan suatu daripada segala makhluk ini. Bermula sekaliannya itu mustahil...”

Perkara menunjukkan bahawa ulama Melayu Nusantara tidak mengeneipkan secara mutlak terhadap dalil yang melibatkan al-Quran dan al-Sunnah yang merupakan sumber dalil yang primer.

BIOGRAFI RINGKAS TUAN HUSSEIN KEDAH

Nama pengarang karya *Hidayah al-Mutafakkirin* ini ialah Tuan Hussein bin Haji Muhammad Nasir bin Muhammad Tayyib bin Mas‘ud bin Qadi Abu Su‘ud bin Sheikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Nama panggilanannya yang dikenali sewaktu kecil adalah dengan panggilan Che Megat. Faktor utama kepada penamaan beliau dengan panggilan Megat tersebut adalah disebabkan oleh bapa beliau iaitu Haji Muhammad Nasir yang telah bernikah dengan isterinya iaitu Tengku Fatimah binti Tengku Mahmud. Ibunya itu berasal daripada kerabat Diraja Kubang Pasu, Dar al-Qiyam (Muhamad Rauf, 2014).

Beliau dilahirkan dalam keadaan dan suasana keluarga yang patuh pada agama bahkan berpegang teguh kepada Islam. Buktinya, datuk beliau iaitu Haji Muhammad Tayyib bin Haji Mas‘ud merupakan seorang mufti negeri Kedah Darul Aman pada era Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah (1854-1879). Bukan itu sahaja, malah bapanya iaitu Muhammad Nasir merupakan seorang ulama besar dan panglima perang yang gemar merantau ke pelbagai tempat untuk berniaga dan menjalankan aktiviti dakwah di sekitar Kepulauan Melayu (Ahmad Fauzi et al. 2010 ; Ismail Saleh, 1996).

Beliau merupakan seorang ulama yang terulung di Semenanjung Tanah Melayu khususnya di negeri Kedah. Perkataan al-Banjari yang selalu disebutkan di belakang nama beliau menunjukkan bahawa beliau berasal daripada rumpun dan keturunan Banjar. Bukan itu sahaja, bahkan beliau merupakan keturunan yang keenam daripada seorang ulama ulung di Banjar suatu ketika dahulu iaitu Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang merupakan pengarang karya *Sabil Al-Muhtadin*. Sheikh Arsyad al-Banjari mempunyai salasilah keturunan daripada Sultan Muhammad Aminullah Negeri Martapura, Banjarmasin. Tuan Hussein Kedah telah dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada 2 November tahun 1863 bahkan terdapat sebahagian pandangan yang mengatakan bahawa beliau dilahirkan di Titi Gajah, Kedah (Ahmad Abd. Garni, 1976 ; Muhamad Rauf, 2014 ; Ismail, 1996 ; M. Rusydi 2007 ; Napisah Karimah et al. 2011).

Sejarah kedatangan keturunan beliau di Kedah bermula apabila moyangnya yang atas iaitu Qadi Abu Su‘ud datang ke Kedah sebagai tempat persinggahan ketika dalam perjalanan pulang dari negeri Mekah dan kemudiannya bertolak semula ke tempatnya yang asal iaitu negeri Banjar. Apabila

perkhabaran berkenaan ulama Banjar telah datang ke Kedah ini tersebar luas, maka Sultan Kedah pada ketika itu meminta Qadi Abu Su'ud untuk tinggal di negeri Kedah untuk mengajar dan membimbing baginda sebagai guru agama serta rakyat-rakyat di bawah pemerintahannya. Qadi Abu Su'ud telah berkahwin dengan seorang perempuan di Kedah yang bernama Rajmah kemudian melahirkan anak yang bernama Mas'ud. Haji Mas'ud telah dilantik oleh baginda Sultan Kedah pada waktu tersebut bukan sahaja sebagai ulama besar yang hebat di Kedah bahkan telah dilantik menjadi panglima perang yang digeruni bagi menentang kerajaan Siam Budha di negara Thailand pada ketika tersebut (Muhamad Rauf, 2014).

Tuan Hussein Kedah mendapat pendidikan awal dengan datuknya iaitu Haji Muhammad Tayyib bin Mas'ud al-Khalidi al-Naqshabandi di bawah sistem pondok tradisional di pondok Titi Gajah, Kedah. Datuknya bukan sahaja merupakan tuan guru pondok yang dikenali oleh seluruh Kedah bahkan beliau telah mengarang beberapa buah kitab sebagai tempat rujukan dan pengajian bagi pelajar-pelajarnya dan sekitar penduduk tempat tersebut. Kemudian, Tuan Hussein Kedah melanjutkan pengajiannya ke tempat yang lebih jauh di Patani iaitu di Pondok Bendang Daya yang merupakan sistem pondok yang sangat terkenal pada waktu tersebut di Patani.

Bukan itu sahaja, malah Tuan Hussein Kedah sempat mempelajari kitab-kitab agama di pondok tersebut bersama dengan pengasasnya iaitu Haji Wan Mustafa bin Muhammad al-Fatani atau lebih dikenali di negeri Patani sebagai Tok Bendang Daya I. Kemudian beliau juga sempat mempelajari kitab-kitab agama dengan anak kepada Tok Bendang Daya I iaitu Sheikh Abd al-Qadir ataupun lebih dikenali sebagai Tok Bendang Daya II yang merupakan bapa kepada pengarang karya *Bakurah al-Amani* iaitu Sheikh Wan Ismail al-Fatani. Sewaktu Tuan Hussein Kedah berada di Bendang Daya, terdapat satu riwayat yang menyatakan bahawa beliau bersahabat dengan Wan Ismail bin Mustafa ataupun lebih dikenali dengan Cik Doi dan juga seorang ulama terkenal iaitu Tok Kelaba (Muhamad Rauf, 2014 ; Ismail, 2001 ; Ishak, 1993).

Tambahan lagi, Tuan Hussein Kedah bukan sahaja mempelajari ilmu agama daripada pondok di Bendang Daya sahaja bahkan beliau juga mempelajari kitab-kitab agama daripada Pondok Semela yang merupakan suatu pondok di mana datuknya pernah mempelajari ilmu agama di tempat tersebut. Ketekunan Tuan Hussein Kedah dalam mempelajari ilmu agama tidaklah terhad di negeri Patani sahaja bahkan juga di negeri-negeri lain yang terdapat di sekitar Tanah Melayu pada waktu tersebut. Oleh sebab itu, beliau meneruskan pengajian beliau dalam memahami agama Islam dengan lebih mendalam menerusi perantaraan ilmiah beliau di negeri Terengganu, Kelantan, Singapura, Johor dan Perak. Setelah selesai mendapat ilmu yang *rāsikh* bertahun-tahun lamanya di merata negeri dan pondok, akhirnya beliau kembali ke Titi Gajah iaitu tempat datuknya mengajar bagi menggantikan posisi datuknya di pondok tersebut sebagai tenaga pengajar pondok (Muhamad Rauf, 2014).

Pada tahun 1892, Tuan Hussein Kedah telah bertolak ke negeri Mekah bersama dengan isterinya iaitu Wan Khadijah binti Wan Yusuf untuk mengerjakan ibadah haji dan menambahkan ilmu pengetahuan Islam secara mendalam bersama dengan para ulama yang menetap di Mekah tersebut. Beliau mempelajari ilmu agama dengan ulama-ulama besar sama ada ulama Nusantara mahupun Tanah Arab sepanjang masa berada di negeri tersebut seperti Sheikh Abd al-Qadir bin Abd al-Rahman al-Fatani, Sayyid Ahmad Zaini Dahlan yang merupakan seorang ulama besar dan mufti mazhab Syafie pada ketika itu, Sheikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki. Tambahan lagi, beliau juga pernah berjumpa dan berguru di Mekah bersama dengan Sheikh Muhammad Nawawi bin Umar al-Bantani, Tuan Ahmad Linga, Sheikh Wan Ahmad bin Wan

Muhammad Zayn al-Fatani yang merupakan pengarang kitab akidah yang masyhur iaitu *Farīdah al-Farā'id fī 'Ilm al-'Aqā'id* dan Sheikh Omar Sembawa. Beliau menyambung pengajian di Mekah tersebut selama hampir empat tahun bahkan mempunyai sahabat karib di sana seperti Haji Muhammad Saleh Pulau Pisang, Tok Kenali dan beberapa ulama Tanah Melayu yang lain (Tajuddin, 1993 ; Muhamad Rauf, 2014).

Tuan Hussein Kedah telah pulang daripada Mekah pada tahun 1896 dan meneruskan pekerjaannya sebagai seorang guru dengan mengajar dan mendidik pelajar serta masyarakat awam di pondok Titi Gajah milik datuknya. Walaupun begitu, cara pengajaran beliau telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada masyarakat awam sehingga mendapat tawaran daripada orang awam untuk membuka pondok beliau sendiri di suatu tempat yang bernama kampung Alor Ganung. Kampung ini merupakan sebuah perkampungan yang sangat berdekatan dengan pondok datuknya yang berada di Titi Gajah, Kedah. Hasil daripada permintaan orang awam yang sangat mendahagakan ilmu Tuan Hussein Kedah, beliau mengajar di kampung Alor Ganung itu selama tiga tahun bagi meluaskan lagi penyebaran ilmu Tuan Hussein Kedah pada masyarakat setempat khususnya di negeri Kedah Darul Aman (Muhamad Rauf, 2014).

Pada tahun 1900, Tuan Hussein Kedah telah memutuskan untuk berpindah ke Bohor serta membukakan pondoknya sendiri di tempat tersebut. Bahkan beliau meletakkan syarat bahawa pelajar-pelajar pondok yang terdiri daripada perempuan atau lelaki mestilah sekitar umur 15 hingga 60 tahun. Pondok beliau diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu pondok di sebelah dalam dan di sebelah luar. Pondok di bahagian dalam disediakan bagi mereka yang telah berkahwin dan mempunyai keluarga sedangkan pondok di bahagian luar dimuatkan kepada pelajar-pelajarnya yang masih berstatus bujang. Dengan ini menunjukkan bahawa Tuan Hussein Kedah turut tidak menghadkan pengajian agama ini khusus untuk orang bujang sahaja bahkan yang berkahwin juga turut dapat mengambil faedah ilmu yang banyak daripada Tuan Hussein Kedah.

Beliau telah menguruskan sistem pondok di Bohor ini selama dua belas tahun ehinggakan masyarakat awam menggelarkan beliau dengan panggilan Tuan Hussein Bohor. Penisbahan panggilan nama tersebut memberi isyarat seolah-olah beliau merupakan orang yang biasa sahaja namun pada hakikatnya ilmu Tuan Hussein Kedah bercambah banyaknya sehingga mampu melahirkan ramai ulama di Tanah Melayu khususnya di negeri Kedah. Sepanjang kehidupan beliau, tempat yang paling lama beliau menetap ialah di Bohor. Hal ini demikian kerana beliau telah tinggal di tempat Bohor tersebut selama 13 tahun di samping mengendalikan dan membangunkan perjalanan pondok pengajian beliau di tempat tersebut (Muhamad Rauf, 2014).

Pada tahun 1912, Tuan Hussein Kedah sekali lagi berpindah daripada Bohor ke Bagan Ulu, Pantai Merdeka serta membangunkan lagi sebuah pondok beliau di sekitar tempat tersebut. Setelah berlalunya selama tujuh tahun di Pantai Merdeka, beliau mendirikan sebuah pondok lagi di sebuah tempat yang bernama Kampung Selengkoh, Sungai Limau. Bukan itu sahaja, malah pada tahun 1924, Tuan Hussein Kedah sekali lagi mengasaskan pondok yang bernama Pondok al-Tawfiqiyah al-Hidayah di Batu 16 yang bertempat di Padang Lumat. Walaupun begitu, pondoknya tersebut lebih masyhur dengan Pondok Pak Ya kerana telah dimajukan dan dibangunkan semula oleh Tuan Guru Yahaya Joned. Perkara ini menunjukkan kegigihan dan ketekunan Tuan Hussein Kedah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan agama di seluruh tempat supaya masyarakat di tempat tersebut dapat membuang kejahilan yang tidak dimaafkan oleh syarak pada diri sendiri. Selain itu, perkara ini juga menunjukkan kealiman Tuan Hussein Kedah kerana dapat membangunkan beberapa buah pondok untuk menyampaikan ilmu pengetahuan yang telah beliau pelajari bertahun-tahun

lamanya sebelum beliau mula mengajar di pondok datuknya iaitu Pondok Titi Gajah (Muhamad Rauf, 2014).

Kealiman beliau diiktiraf oleh Sultan Kedah sehinggakan beliau pernah ditawarkan jawatan mufti di negeri Kedah Darul Aman sebaik sahaja beliau pulang daripada Mekah kerana menunaikan ibadah haji serta menuntut ilmu di sana. Walaupun begitu, beliau menolak tawaran yang baik tersebut kerana merasakan tugas sebagai seorang mufti itu sangat berat kerana membabitkan pandangan hukum apabila berlaku suatu masalah ataupun isu dalam masyarakat setempat. Bukan itu sahaja, malah Sultan Kedah pernah menawarkan beliau untuk menjawat jawatan sebagai Shaykh al-Islam Kedah yang merupakan jawatan tertinggi dalam pentadbiran agama di negeri Kedah dan ditolak juga oleh beliau. Jawatan sebagai Shaykh al-Islam itu akhirnya dipegang oleh Haji Wan Sulaiman. Alasan utama Tuan Hussein Kedah menolak segala tawaran yang hendak diberikan kepada beliau oleh Sultan Kedah ialah pemilihan beliau untuk hidup dengan bebas tanpa terikat dengan apa-apa jawatan rasmi sekalipun. Hal ini demikian kerana dengan memegang jawatan-jawatan tertentu akan menyebabkan hidupnya terikat dengan suatu beban yang berat untuk dipikul bagi menjalani amanah dan tanggungjawab sebagai Shaykh al-Islam ataupun mufti di negeri Kedah (Muhamad Rauf, 2014).

Tuan Hussein Kedah dikenali ketokohnya sebagai orang yang tegas dalam bab hukum dan agama Islam meskipun beliau perlu menghadapi pertelingkahan dengan pihak berkuasa sekalipun. Hal ini menunjukkan pegangan yang kukuh terhadap agama Islam berdasarkan ilmu yang dipelajari dan dapatkan daripada pelbagai ulama besar sama ada Melayu mahupun Arab. Ini dapat dibuktikan apabila Tuan Hussein Kedah diarahkan supaya keluar daripada negeri Kedah pada tahun 1921 selepas dituduh melanggar Akta Tauliah Mengajar dan Mencetak Kitab kerana mengarang sebuah kitab oleh pemerintah. Tindakan tersebut berasal daripada ketidakpuasan hati Shaykh al-Islam pada waktu tersebut terhadap tentangan Tuan Hussein Kedah dalam isu fatwa pengharusan kutipan faedah dalam urusan pinjam-meminjam wang sebelum itu. Hasil pengusiran tersebut terhadap Tuan Hussein Kedah, beliau telah mengambil keputusan untuk berpindah ke Pokok Sena, Seberang Perai, Pulau Pinang dan menubuhkan pondok di sana sekitar tahun 1934. Bahkan nama pondok tersebut masih kekal sehingga sekarang iaitu Madrasah Khairiah al-Islamiyyah (Muhamad Rauf, 2014).

Pelajar-pelajar yang mengingkari arahan dan peraturan yang telah beliau tetapkan akan dikenakan hukuman rotan oleh beliau sendiri. Ini menunjukkan tarbiah seorang guru yang mursyid terhadap pelajar-pelajarnya dari sudut ilmu pengetahuan dan adab-adab tingkah laku yang wajib dijaga sepanjang berada di pondok agar dapat melahirkan insan yang bukan setakat berguna dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat terhadap ilmunya bahkan berakhlak dengan tingkah laku yang menjurus ke arah kebaikan. Melalui Tuan Hussein Kedah ini sudah dapat melahirkann ramai para ulama dan ilmuwan di Tanah Melayu ini. Antara murid-murid beliau ialah Lebai Zakariya Pahang, Lebai Sulong Sungai Bangkalis, Che Nik, Wan Din, Che Ismail Hamzah yang merupakan bekas mufti Perak Darul Ridzuan, Tuan Guru Hj. Abd al-Rahman Merbok Kedah, Tuan Guru Yahya Joned dan anak beliau iaitu Tuan Guru Haji Ahmad bin Haji Hussein yang merupakan qadi besar di negeri Pulau Pinang (Muhamad Rauf, 2014).

Manfaat yang masih ditinggalkan oleh Tuan Hussein Kedah ialah menerusi karya-karyanya yang agung bahkan masih lagi dibaca oleh guru-guru pondok di Semenanjung Malaysia dan Patani. Beliau dikatakan antara ulama Kedah yang paling banyak mengarang kitab-kitab sama ada dari sudut akidah, fiqh, tasawwuf dan sebagainya. Antara karya-karya beliau adalah sepertimana berikut (Shukri, 2001 ; Muhamad Rauf, 2014 ; Suhainim, t.th) :

1. *al-Nūr al-Mustafīd fī ‘Aqā’id Ahl al-Tawhīd.*
2. *Tamrīn al-Şibyān fī Bayān al-Islām wa al-Īmān.*
3. *Hidāyah al-Şibyan fī Ma’rifah al-Islām wa al-Īmān.*
4. *Kisar al-Aksir li al-Şaghīr ‘ind al-Kabīr li Ma’rifah Allāh al-‘Alīm al-Khabīr.*
5. *Hidāyah al-Atfāl.*
6. *Hidāyah al-Mutafakkirīn fī Tahqīq Ma’rifah Rabb al-‘Ālamīn.*
7. *Tafrīh al-Şibyān fī Mawlid al-Nabī min Waladi ‘Adnān.*
8. *Tadhkīr Qabā’il al-Qadi.*
9. *Bidāyah al-Ṭālibīn ilā Ma’rifah Rabb al-‘Ālamīn.*
10. *‘Alaqah al-Lāmiyyah wa al-Şarfīyyah.*
11. *Uşūl al-Tawhīd fī Ma’rifah al-Ṭuruq al-Īmān li al-Rabb al-Majīd.*
12. *Hidāyah al-Nikāh.*
13. *Qatr al-Ghaythīyyah fī ‘Ilm al-Şūfiyyah ‘alā Shari‘ah al-Muḥammadiyyah.*
14. *Tabşīrah li Ulī al-Albāb.*
15. *Hidāyah al-Ghilmān.*
16. *Bunga Geti.*
17. *Nayl al-Marām fī mā Yujābu Husn al-Khitām.*
18. *Tanbīh al-Ikhwān fī Tadbīr al-Ma’īshah wa al-Taslīk al-Buldān.*

Tuan Hussein Kedah wafat pada 18 Zulkaedah 1354H bersamaan dengan 10 Februari 1936M dan jenazahnya telah dikebumikan di Titi Gajah, Kedah. Legasi perjuangan menegakkan agama Islam pada waktu tersebut telah disambung oleh anak beliau iaitu Tuan Guru Haji Ahmad yang telah menjadi seorang qadi besar di Pulau Pinang (Ishak, 1993 ; Ismail, 1996 ; Muhamad Rauf, 2014).

SIFAT WAḤDĀNIYYAH ALLAH SWT

Setiap zat sama ada yang baharu mahupun *qadīm* memiliki sifat yang menunjukkan kepada kehebatan dan identiti sesuatu zat tersebut. Zat yang baharu bersifat dengan sifat yang baharu juga dan kadar kesempurnaannya kurang berbanding dengan zat yang *qadīm* lagi *azalī*. Oleh sebab itu, zat Allah SWT dikaitkan dengan sifat yang menunjukkan kesempurnaan dan keagunganNya dan menolak dalam fikiran seseorang bahawa terdapat sifat yang mencacatkan kesucian Allah SWT (al-Sanusi, 2013). Antara sifat yang menunjukkan tidak berhajatnya Allah SWT kepada zat yang lain sama ada yang baharu mahupun yang *qadīm* untuk mencipta zatNya dan segala sifatNya ialah sifat *waḥdāniyyah* (al-Sharqawi, 2013). Bukan itu sahaja, malah sifat *waḥdāniyyah* ini merupakan sifat terakhir yang diperbahaskan oleh para ulama *mutakallimīn* di bawah topik sifat *salbiyyah* dalam kitab-kitab akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah (al-Laḡani, 2019).

Tuan Hussein Kedah (t.th) menyatakan bahawa erti sifat *waḥdāniyyah* Allah SWT ialah esa zat Allah SWT, segala sifatNya dan segala perbuatanNya. Esa pada zat dan sifat dengan makna tiada berbilang dan bandingan pada kedua-duanya oleh selain Allah SWT (‘Abd al-Salam, 2019 ; Hussein t.th). Hal ini menunjukkan penafian *kam muttaşil* dan *kam munfaşil* pada zat dan sifat Allah SWT. Istilah *munfaşil* yang diterapkan oleh ulama *mutakallimīn* merujuk kepada sesuatu yang bercerai dan berpisah manakala *muttaşil* pula dengan makna bersambung dan bercantum pada sesuatu. *Kam muttaşil* dan *kam munfaşil* pada zat Allah SWT itu mustahil kerana difahami melalui perbahasan

sifat *mukhālafah li al-ḥawādith* iaitu jikalau terusun zat Allah SWT daripada sesuatu maka sudah tentu zat Allah SWT itu sama dengan jirim atau jisim yang baharu (al-Dusuqi, 2012). Bahkan begitu juga jikalau ada zat lain yang memiliki kesamaan tahap keagungan zatnya dengan zat Allah SWT sudah semestinya alam yang indah ini memiliki dua tuhan. Akal pemikiran yang sihat tidak dapat menerima bahawa alam ini memiliki dua tuhan yang Maha Kuasa kerana akan menjurumuskan alam ini ke arah kehancuran dan kebinasaan (al-Bayjuri, 2001).

Berdasarkan karya Tuan Hussein Kedah (t.th) yang berjudul *Hidāyah al-Mutafakkirīn*, beliau mengaplikasikan terjemahan “berbilang” untuk merujuk kepada *kam muttasīl* sedangkan terjemahan “banding” merujuk kepada *kam munfasīl*. Buktinya, pada keesaan Allah SWT dari sudut perbuatan beliau membahasakan sebagai tiada bandingan sahaja sedangkan atas pandangan muktamad Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah menyatakan bahawa *waḥdāniyyah* pada perbuatan Allah SWT hanya terletak pada *kam munfasīl* sahaja (al-Dusuqi, 2012 ; al-Suhaymi, 1983). Adapun *kam muttasīl* pada perbuatan Allah SWT itu telah jelas dengan terang bahawa ia sabit bagi Allah SWT kerana perbuatan Allah SWT itu bukanlah hanya satu sahaja bahkan meliputi banyak perkara seperti syurga, neraka, langit, bumi dan sebagainya (al-Azhari, 2001). Walaupun begitu, terdapat sebahagian pandangan ulama yang menyatakan bahawa ternafinya juga *kam muttasīl* pada perbuatan daripada Allah SWT. Ini dengan makna bahawa Allah SWT mustahil berkongsi dengan kekuasaan tuhan lain yang memberi bekas serupa dengan Allah SWT terhadap sesuatu perkara meskipun sebesar *jirim fird* iaitu jirim yang paling halus saiznya di atas alam ini. Bagi mereka yang menetapkan pandangan ini maka ternafilah pada Allah SWT sebanyak enam *kam* yang merupakan mustahil berlaku atas Allah SWT (al-Bayjuri, 2012).

Tuan Hussein Kedah (t.th) menyatakan bahawa jika berlaku ada bandingan dan bilangan pada zat, sifat dan perbuatan Allah SWT maka sudah tentulah berlaku *taḥṣīl al-ḥāṣil* iaitu menghasilkan sesuatu yang telah ada dan lemah untuk menciptakan sesuatu yang lain. Perkara ini tidak dapat diterima oleh akal bahkan mustahil secara *ḍarūrī* iaitu tanpa berhajat kepada *burhān* dan dalil (Daud al-Fatani, t.th ; Zayn al-‘Abidin al-Fatani t.th). Adapun perkara yang mustahil pada akal secara *nazarī* iaitu memerlukan dalil sebagai penguat kepada hujah kemustahilannya itu mempunyai empat aspek iaitu kebatilan berlakunya berat sebelah tanpa berhajat kepada seseorang yang memberatkan, kebatilan *tasalsul*, kebatilan *dawr* dan *qānūn al-‘illiyyah* yang membabitkan sebab dan *musabbab* (al-Buti, 1997).

Oleh itu, para ulama *mutakallimīn* telah menjelaskan kemustahilan dua tuhan yang wujud dan memiliki sifat-sifat ketuhanan pada masa yang sama (al-Azhari, 2001). Hal ini berlaku kepada pegangan hati kelompok Majusi yang mengatakan di alam ini memiliki dua tuhan. Tuhan yang pertama dinamakan sebagai *Azdān* iaitu tuhan yang baik dan yang kedua diberi nama oleh mereka sebagai *Ahraman* iaitu tuhan yang jahat. Tuhan yang baik itu dikatakan bahawa ia merupakan Allah SWT sedangkan tuhan yang berperwatakan jahat dinisbahkan kepada syaitan (al-Sharqawi, 2013 ; al-Dusuqi, 2012 ; al-Azhari, 2001 ; al-Taftazani, 1998 ; al-Jurjani, 1998 ; al-Samarqandi. t.th).

Penafian ketidakesaan zat, sifat dan perbuatan Allah SWT itu dibuktikan dengan dalil secara *tawārud* iaitu bersepakat antara tuhan lain dengan Allah SWT untuk mencipta sesuatu dan dalil secara *tamānu‘* iaitu berselisih antara Allah SWT dengan tuhan lain yang memiliki sifat ketuhanan yang sama dengan Allah SWT (al-Bantani, 2007 ; Muhammad, 2018). Jikalau Allah SWT berpakat dengan tuhan yang lain untuk memberi bekas terhadap sesuatu perkara maka sudah tentu tidak ada suatu pun daripada alam ini. Hal ini demikian kerana akan berlaku suatu perhimpunan antara dua perkara yang memberi bekas atas suatu perkara seperti *jirim fird* sedangkan pada hakikatnya *jirim*

fird ini berhajat kepada satu zat sahaja yang memberi bekas ke atasnya. Jikalau *jirim fird* tidak dapat diciptakan sama sekali oleh tuhan maka sudah tentu *jirim murakkab* ataupun dikenali sebagai jisim bertambah mustahil untuk diadakan kerana asal sesuatu *jirim* semestinya daripada *jirim fird* yang sangat halus (Wan Ismail al-Fatani, t.th ; al-Bantani, 2008 ; al-Sharqawi, 2013).

Bukan itu sahaja, malah Allah SWT juga bukanlah mencipta sesuatu sebelum ataupun selepas tuhan yang lain mencipta sesuatu perkara yang serupa. Contohnya, tuhan yang lain telah membuat langit yang tujuh lapis dan kemudian Allah SWT pula mencipta langit yang sama. Sebaliknya, begitu juga mustahil Allah SWT mencipta terlebih dahulu langit kemudian tuhan yang lain menciptanya juga dengan elemen langit yang sama. Berlaku mustahil sebegini kerana terjadinya *tahṣīl al-ḥāsil* iaitu mengadakan sesuatu yang telah pun dihasilkan. Ini menunjukkan kelemahan kedua-dua zat yang bersifat ketuhanan sekaligus akan berlaku ketidakseimbangan atas alam ini jikalau berlaku atau mencipta sesuatu perkara yang berulang kali buat kali keduanya dan seterusnya.

Begitu juga mustahil akan berlakunya permuafakatan antara Allah SWT dan tuhan yang memiliki sifat ketuhanan yang selain Allah SWT untuk mencipta sebahagian yang lain dengan cara dan memberi bekas masing-masing. Hal ini sepertimana Allah SWT mencipta langit sedangkan tuhan yang lain menciptakan bumi tanpa dicampuri pemberian bekas Allah SWT kepada bumi dan sebaliknya. Ulama *mutakallimīn* menyatakan bahawa demikian itu mustahil kerana membawa kepada kelemahan terhadap kedua-dua zat yang mempunyai sifat-sifat dan bercirikan ketuhanan sedangkan zat yang bernama tuhan tidak mungkin berhajat kepada yang lain apatah lagi dikategorikan sebagai lemah. Perbahasan ini diklasifikasikan sebagai *burhan al-tawārud* ataupun *al-tawāfiq* (al-Bantani, 2007 ; Muhammad, 2008).

Kemudian, para ulama *mutakallimīn* menyatakan dalil yang memberi isyarat kepada mustahil berlakunya perselisihan dalam kalangan dua zat tuhan yang berkuasa. Hal ini demikian kerana jikalau mempunyai dua tuhan yang memiliki sifat ketuhanan yang serupa bahkan mampu kedua-duanya menciptakan dan memberi bekas kepada sesuatu yang lain akan tetapi berselisih kehendak keduanya maka berkemungkinan akan terjadik dua perkara yang mustahil untuk berlaku. Pertamanya, jikalau berta *‘alluq* iradat Allah SWT terhadap bergeraknya sesuatu akan tetapi tuhan yang lain menetapkan bahawa sesuatu itu diam dan tidak bergerak maka lulus kehendak salah satu daripada keduanya menunjukkan kepada kelemahan tuhan yang tidak dapat meluluskan kehendaknya sekaligus yang dapat meluluskan kehendaknya juga dikategorikan sebagai lemah. Hal ini demikian kerana meskipun kehendak Allah SWT terpenuhi akan tetapi terdapat unsur pengakuan dari sudut ketuhanan yang lain selain daripada Allah SWT.

Perkara ini sudah jelas berlaku kebatilan yang tanpa berhajat kepada fikir lagi kerana semua mukallaf yang beriman yakin bahawa Allah SWT tidak bersifat dengan sesuatu yang menunjukkan kelemahan pada zatNya. Bukan itu sahaja, malah jikalau kedua-dua kehendak tuhan itu berlaku maka turut dikatakan mustahil pada akal disebabkan akan terjadinya dua perkara yang berlawanan dalam satu masa yang sama. Seterusnya, jikalau kedua-dua tuhan itu tidak dapat meluluskan kehendak kedua-duanya sama sekali bertambah-tambah jelas kebatilannya kerana menunjukkan kedua-dua tuhan tersebut tidak mampu untuk menciptakan dan memberi bekas kepada sesuatu. Perkara ini juga mustahil berlaku kerana sudah terbukti adanya alam ini atas jalan *mushāhadah* iaitu pandangan mata kasar manusia terhadap kewujudan alam sudah terbukti. Penafian terhadap kebatilan ini dinamakan sebagai *burhān al-tamānu* oleh para ulama *mutakallimin* Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah (al-Laqani, 2019).

METODOLOGI *QIYĀS AL-IQTIRĀNĪ* SECARA *AL-BAṢĪT* DAN *AL-MURAKKAB*

Qiyās merupakan suatu perkara yang sangat diambil berat oleh para ulama *mutakallimīn* dalam pendalilan akidah bagi mencapai tujuan yang hakiki dan konkrit iaitu keyakinan yang kukuh dalam hati terhadap Allah SWT dan juga selainNya seperti para nabi-nabi dan rasul-rasul. Bukan itu sahaja, malah *qiyās* juga dikenali dan boleh dinamakan juga sebagai dalil ataupun *burhān* (al-Fadani, t.th ; al-Quwaysini, 2014). Oleh yang demikian, dalam *istidlāl* ilmu tauhid ini semestinya berteraskan kepada unsur keyakinan yang mantap bukannya *ẓan* atau syak atau *wahm* atau jahil (Zayn al-Abidin al-Fatani, t.th).

Jikalau seseorang berpegang dengan pegangan hati yang bertunjangkan selain daripada yakin maka imannya tidak dikira sama sekali bahkan termasuk dalam kategori kufur dan ingkar dengan Tuhan (al-Banjari, t.th ; al-Sumbawi, t.th). Hasilnya, seseorang itu akan berkeyakinan berkaitan dengan akidah ketuhanan, kenabian dan *sam' iyyat* dalam keadaan mempunyai dalil yang jelas bahkan bukanlah sebaliknya iaitu sekadar bertaqlid buta tanpa *jazam*. Hal ini demikian kerana posisi taqlid dalam bab akidah tidak sama sekali diiktiraf dan disuruh oleh para ulama *mutakallimīn* Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bahkan terdapat perselisihan ulama padanya sama ada status seseorang yang bertaqlid masih dimuatkan sebagai orang Islam dan beriman ataupun sebaliknya (al-Bantani, 2008).

Qiyās menurut bahasa ialah mengkadarkan atau mengukur sesuatu perkara atas suatu misalan sesuatu yang lain (al-Damanhuri, 2011). Adapun menurut istilah ulama mantik, *qiyās* ialah kata-kata yang disusun oleh seseorang daripada beberapa premis dan apabila susunan premis tersebut tepat serta betul, maka mestilah dapat menerima hasil yang benar (al-Abhari, 2003 ; al-Fadani, t.th). Bahkan *qiyās* juga secara asasnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu *qiyās* secara *al-basīṭ* dan *al-murakkab*. *Qiyās* secara *al-basīṭ* ini merupakan *qiyās* yang dibina oleh majoriti ulama *mutakallimīn* dalam berhujah pada setiap sifat Allah SWT sama ada yang wajib pada akal mahupun yang mustahil padanya. Hal ini demikian kerana *qiyās* berbentuk *al-basīṭ* ini mudah kerana hanya memerlukan kepada dua premis sahaja bagi menghasilkan natijah yang benar. Sebaliknya, *qiyās* secara *al-murakkab* ini jarang berlaku dan diaplikasikan oleh para ulama akidah bahkan *qiyās* tersebut dibina berasaskan kepada lebih daripada dua premis untuk menghasilkan sesuatu natijah yang tepat dan dapat diterima oleh akal yang sihat (al-Damanhuri, 2011).

Qiyās secara *al-iqtirānī* ini dibina daripada dua premis yang dapat dibahagikan kepada enam jenis. Pertamanya, dua premis tersebut dibina secara *ḥamliyyah* (al-Hifni, 2013). Sebagai contoh seseorang berkata, setiap jisim itu tersusun dan setiap yang tersusun itu baharu (al-Ansari, t.th). Seterusnya, dua ayat yang dibina secara *muttaṣilah* sebagai contoh jikalau matahari terbit maka siang pun muncul dan jikalau siang muncul maka bumi pun dipenuhi cahaya yang terang maka menghasilkan natijah jikalau matahari terbit nescaya bumi dipenuhi dengan cahaya terang (al-Hifni, 2013 ; al-Ansari, t.th).

Di samping itu, *qiyās* ini juga berlaku apabila dua premis dibina secara *munfaṣilah*. Contohnya, seseorang mengatakan bahawa setiap bilangan nombor itu sama ada ganjil atau genap (boleh dibahagikan) dan setiap bilangan genap maka ia boleh dikalikan dengan bilangan genap yang lain atau bilangan ganjil yang lain akan menatijahkan setiap bilangan sama ada ganjil atau bilangan genap apabila dikalikan dengan bilangan genap atau bilangan genap apabila dikalikan dengan bilangan ganjil (al-Hifni, 2013 ; al-Ansari, t.th). Tambahan lagi, bahagian keempat berlaku apabila dua premis dibina daripada *qadīyyah ḥamliyyah* dan *muttaṣilah*. Misalnya, apabila seseorang

mengatakan bahawa setiap kali dia ini manusia maka dia ialah haiwan dan setiap haiwan itu jisim. Maka dua ayat premis ini akan menghasilkan natijah bahawa setiap kali dia ini manusia maka dia ialah jisim. Seterusnya, susunan kelima ialah dua premis yang dibina menerusi *ḥamliyyah* dan *munfaṣilah*. Hal ini sepertimana seseorang menyatakan bahawa setiap bilangan itu sama ada genap atau ganjil dan setiap bilangan yang genap itu menerima dua pembahagian yang sama rata. Ini akan membuahkan natijah setiap bilangan itu sama ada ganjil atau menerima dua pembahagian yang sama rata.

Akhir sekali, qiyas secara *al-iqtirānī* ini juga berlaku pada penyusunan dua premis daripada *muttaṣilah* dan *munfaṣilah*. Contohnya ialah apabila seseorang menyatakan bahawa setiap kali dia itu ialah manusia maka dia ialah haiwan dan setiap haiwan itu sama ada putih atau hitam yang membuahkan natijah *qiyāsnya* setiap kali dia ialah manusia maka dia sama ada putih atau hitam (al-Hifni, 2013 ; al-Ansari, t.th). Inilah enam jenis dalam perbincangan *al-qiyās al-iqtirānī* menerusi karya-karya ulama mantik bahkan kebanyakannya diaplikasikan dalam sistem pendalilan oleh para ulama *mutakallimīn*. Disebutkan *qiyās* sedemikian sebagai *al-iqtirānī* kerana memiliki hubungan yang rapat antara *al-ḥad al-aṣghar* dengan *al-ḥad al-awsaṭ* dan *al-ḥad al-awsaṭ* dengan *al-ḥad al-akbar*. Sebahagian daripada ulama mantik menyatakan bahawa disebut sedemikian kerana berhubungnya dua ayat premis tersebut dengan *ḥarf 'atf* yang memberi faham kepada keterkaitan antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Sebaliknya, *al-qiyās al-sharṭī* dihubungkan antara dua premis tersebut dengan *ḥarf adāt* (al-Jamal, 1985).

PENDEKATAN TUAN HUSSEIN KEDAH DALAM HURAIAN DALIL WAHDANIYYAH

Metodologi Tuan Hussein Kedah (t.th) dalam menghuraikan salah satu sifat *salbiyyah* Allah SWT iaitu *wahdāniyyah* dengan cara menjelaskan terlebih dahulu secara *'aqliyyah* berbentuk *al-iqtrānī* yang *al-basīṭ* terhadap kesan yang berlaku apabila tidak berlaku keesaan terhadap Allah SWT dari sudut zat dan sifat dengan sebab berbilang serta wujud perbandingan terhadap zat yang lain. Kemudian, beliau datangkan dalil secara *naqliyyah* daripada ayat quran untuk menetapkan bahawa Allah SWT itu memiliki sifat keesaan. Akhir sekali, beliau menghidangkan dalil akal secara *al-qiyās al-murakkab* yang bukan sahaja terdiri daripada sifat yang agung iaitu *wahdāniyyah*, bahkan kesemua sifat *salbiyyah* yang lain turut dimasukkan dalam premis *qiyāsnya* untuk meyakinkan pegangan hati seseorang bahawa mustahil Allah SWT tidak bersifat dengan segala sifat *salbiyyah* khususnya pada sifat *wahdāniyyah*.

Pertama, beliau mengemukakan *al-qiyās al-basīṭ* yang terbina daripada dua premis bertunjangkan *al-iqtirānī* yang mempunyai dua premis *qiyās* secara *muttaṣilah* bagi kedua-dua premis. *Qiyās* ini bagi membuktikan bahawa wajib pada akal dan terima bahawa memang benar Allah SWT bersifat *wahdaniyyah* secara *nazari*. Hal ini sepertimana kata beliau:

“...Dan jikalau ada berbilang pada segala yang tersebut itu atau ada banding padanya nescaya membawa ia kepada taḥṣīl al-ḥāṣil atau membawa kepada lemah keduanya yang tiada dapat mengadakan suatu daripada makhluk ini dengan keduanya iaitu mustahil...”

Berdasarkan teks di atas, beliau seolah-olah membuang premis yang kedua kerana sudah maklum ayat yang akan dinyatakan. Oleh itu, penyusunan dua premis tersebut secara zahirnya akan

berlaku sepertimana berikut :

Jadual 1 : *Qiyās al-Iqtirani* berbentuk *al-basīṭ* pada sifat *wahdāniyyah*

Premis Pertama	Jikalau berbilang pada yang tersebut itu iaitu zat dan sifat Allah SWT atau ada banding padanya nescaya membawa kepada <i>taḥṣīl al-ḥāṣil</i> atau membawa kepada lemah kedua-duanya iaitu kedua-dua tuhan.
Premis Kedua	Jikalau membawa kepada <i>taḥṣīl al-ḥāṣil</i> atau membawa kepada lemah kedua-dua tuhan itu nescaya tidak dapat mengadakan suatu pun daripada alam ini.
Natijah	Jikalau berbilang pada yang tersebut iaitu zat dan sifat Allah SWT atau ada banding padanya nescaya tidak dapat suatu pun daripada alam ini.

Kemudian beliau mendatangkan dalil secara *naqlī* menerusi ayat al-Quran yang merupakan sumber primer dalam sumber Islam. Penyusunan beliau pada sifat *wahdāniyyah* ini sedikit berbeza berbanding dengan sifat *salbiyyah* yang lain. Hal ini demikian kerana perbahasan sifat *salbiyyah* yang lain akan didatangkan terlebih dahulu oleh Tuan Hussein Kedah dalil secara *naqlī* melalui ayat al-Quran kemudian disusuli oleh dalil akal menerusi *burhān* secara *qiyās*. Beliau menukulkan ayat al-Quran yang menunjukkan keesaan Allah SWT itu daripada Surah al-Baqarah ayat yang ke-163 :

﴿وَاللَّهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ ...﴾

Terjemahan : “Dan tuhan kalian itu merupakan tuhan yang esa”.

Al-Tabari (1994) dan al-Baghawi (1989) menyatakan bahawa berlaku perselisihan ulama dalam menafsirkan makna *wahdāniyyah* Allah SWT. Sebahagian ulama mengatakan maksud keesaan Allah SWT itu adalah dari sudut penafian terhadap sesuatu yang menyerupai dan semisal dengan Allah SWT. Selain itu, sebahagian ulama yang lain pula menafsirkan bahawa makna *wahdāniyyah* Allah SWT itu ialah tunggal daripada segala sesuatu. Maksudnya, Allah SWT itu merupakan tuhan yang tidak memasuki atau bergabung dengan sesuatu yang lain dan begitu juga perkara-perkara yang lain tidak memasuki dan bergabung dengan Allah SWT. Ibn al-Kathir (1999) menafsirkan ayat al-Quran yang berkisarkan berkenaan *wahdāniyyah* Allah SWT itu dengan makna tiada *sharīk* dan sekutu oleh sesuatu pun bagi Allah SWT. Ini menunjukkan kehebatan Allah SWT yang tidak berhajat sama sekali kepada makhluk lain yang bersifat baharu.

Kemudian, Tuan Hussein Kedah menutup pembicaraan sifat *wahdāniyyah* dan sifat *salbiyyah* dengan mengaplikasikan kaedah *al-qiyās al-iqtirānī* berbentuk *al-murakkab* iaitu melebihi dua premis. Hal ini dapat menguatkan lagi dalil bagi sifat *wahdāniyyah* yang merupakan sebahagian daripada kerangka sifat-sifat *salbiyyah*. Oleh sebab itu, beliau berkata sepertimana berikut di dalam karyanya:

“...Ketahui olehmu bahawasanya Allah Ta’ala jikalau tiada bersifat ia dengan wujud yang hakiki dan qidam dan baqa’ dan mukhalafah li al-hawadith dan qiyamuhu bi nafsihi dan wahdaniyyah nescaya bersifatlah ia dengan segala lawan sifat yang

tersebut itu dan lazim daripadanya baharu ia dan lemah ia dan kekurangan ia maka berkehendak ia kepada orang yang menjadi akan dia dan kepada orang yang menghilang daripadanya akan kekurangannya dan keluarlah ia daripada keadaannya ia tuhan yang disembah dengan sebenarnya dan tiadalah dapat ia mengadakan sesuatu daripada segala makhluk ini bermula sekaliannya itu mustahil...”

Berdasarkan kepada teks di atas, memberi isyarat secara tidak langsung oleh Tuan Hussein Kedah bahawa beliau mempraktikkan kaedah *al-qiyas al-iqtirānī* yang berbentuk *al-murakkab* iaitu tersusun premis melebihi daripada dua. Hal ini memperkukuhkan lagi *qiyās* secara *al-basīf* pada menghuraikan dalil sifat *waḥdāniyyah* dengan susunan premisnya sebagaimana berikut :

Jadual 2 : Qiyas *al-Iqtirānī* berbentuk *al-murakkab* pada mengukuhkan dalil sifat *waḥdāniyyah*

Premis Pertama	Jikalau Allah SWT tidak bersifat dengan sifat wujud yang hakiki, <i>qidam</i> , <i>baqā'</i> , <i>mukhālafah li al-ḥawādith</i> dan <i>waḥdāniyyah</i> nescaya Allah SWT itu bersifat dengan sifat yang lawan bagi sifat tersebut.
Premis Kedua	Jikalau Allah SWT itu bersifat dengan segala lawan bagi sifat tersebut nescaya Allah SWT itu baharu, lemah dan kekurangan.
Premis Ketiga	Jikalau Allah SWT itu baharu, lemah dan kekurangan nescaya berkehendak oleh Allah SWT kepada orang yang menjadikanNya dan menghilangkan kekurangan daripadaNya.
Premis Keempat	Jikalau berkehendak oleh Allah SWT kepada orang yang menjadikanNya, menghilangkan kekurangan daripadaNya nescaya keluarlah Allah SWT itu daripada keadaannya tuhan yang disembah dengan sebenarnya.
Premis Kelima	Jikalau keluarlah Allah SWT itu daripada keadaannya tuhan yang disembah dengan sebenarnya nescaya tidak dapatlah Allah SWT itu mengadakan sesuatu daripada segala makhluk ini.
Natijah	Jikalau Allah SWT tidak bersifat dengan sifat wujud yang hakiki, <i>qidam</i> , <i>baqā'</i> , <i>mukhālafah li al-ḥawādith</i> dan <i>waḥdāniyyah</i> nescaya tidak dapatlah Allah SWT itu mengadakan sesuatu daripada segala makhluk ini.

Susunan *qiyās* sepertimana tertulis dinamakan sebagai *al-qiyās al-murakkab* oleh ulama mantik. Hal ini demikian kerana premis yang dibina itu terdiri daripada lebih dua premis sepertimana yang menjadi adat oleh para ulama *mutakallimīn* dalam menyusun hujah yang sampai ke tahap yakin. Ini menunjukkan kehebatan Tuan Hussein Kedah sendiri sebagai tokoh ilmuwan Tanah Melayu yang berjaya dan dapat membimbing umat Islam dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang akidah dan mantik. Di samping itu, bukti yang sebegini menunjukkan ulama Tanah Melayu tidak pernah sama sekali meninggalkan elemen dan unsur-unsur mantik kerana ia merupakan suatu ilmu alat yang penting sebagai *wasilah* untuk memahami ilmu-ilmu yang lain.

KESIMPULAN

Pensabitan sifat *waḥdāniyyah* kepada zat, sifat dan perbuatan Allah SWT itu merupakan suatu perkara yang wajib diyakini oleh setiap orang yang bergelar mukallaf. Oleh yang demikian, dengan kebijaksanaan para ulama *mutakallimīn* dalam menyusun hujah yang yakin untuk sampai kepada *ma'rifah Allāh* yang umum, mereka telah membina qiyas sebagai *burhān* bukan sekadar memantapkan keyakinan dalam hati bahkan boleh menepis segala kesamaran dan hujah daripada

pihak musuh. Perkara ini dapat menyelamatkan diri seseorang daripada terjebak bahkan terjerumus ke lembah kesesatan yang boleh membawa mudarat kepadanya sama ada di dunia mahupun di akhirat. Begitulah yang diaplikasikan oleh para ulama Tanah Melayu khususnya Tuan Hussein Kedah dalam karyanya yang terkenal iaitu *Hidayah al-Mutafakkirin* untuk melaksanaan tanggungjawab fardu ain setiap individu mukallaf dan fardu kifayah bagi menentang segala hujah pihak musuh yang terjadi di Alam Melayu.

Beliau mengutamakan terlebih dahulu dalil yang bersifat *naqlī* kemudian disusuli dengan dalil akal kecuali dalam bab sifat *wahdāniyyah* ini. Hal ini demikian kerana pada sifat *wahdaniyyah* Allah SWT beliau mendahulukan terlebih dahulu dalil akal kemudian disusuli dalil *naqlī* dan kembali semula kepada dalil akal sebagai penutup perbincangan sifat *salbiyyah* serta pengukuhan terhadap pegangan dalil sifat *wahdāniyyah* Allah SWT yang telah dinyatakan olehnya. *Qiyās* yang beliau gunakan pada awalnya ialah secara *al-basīṭ* kemudian didatangkan secara *al-murakkab* selepas kenyataan dalil secara *naqlī* daripada ayat al-Quran.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Salam bin Ibrahim. (2019). *Ithaf al-Murid bi Jawharah al-Tawhid*. Beirut: Dar al-Daqa’iq.
- Ahmad Abd. Garni bin Haji Said. (1976). *Tuan Hussein Kedah*. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Ahmad Fauzi bin Yahaya, Mustapa bin Abdullah & Maznah binti Wan Omar. (2010). *Sumbangan Tuan Hussein Dalam Perkembangan Dakwah Islamiah Di Negeri Kedah*. Shah Alam : Universiti Teknologi MARA.
- al-Ansari, Zakariya bin Muhammad. (T.th). *Al-Matla’ Sharh Isaghuji*. T.t.p : t.p.
- al-Azhari, Muhammad bin Muhammad. (2001). *Hashiyah Ibn al-Amir ‘ala Ithaf al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Baghawi, al-Husayn bin Mas‘ud. (1989). *Tafsir al-Baghawi Ma‘alim al-Tanzil* Jil. 1. Riyadh : Dar al-Taibah.
- al-Banjari, Hussein Nasir bin Tayyib. (T.th). *Hidayah al-Mutafakkirin fi Tahqiq Ma‘rifah Rabb al-‘Alamin*. Pulau Pinang : Percetakan al-Ma‘arif Sdn. Bhd.
- al-Bantani, Muhammad Nawawi bin Umar. (2007). *Sharh Tijan al-Darari ‘ala Risalah fi ‘Ilm al-Tawhid li al-‘Allamah al-Bajuri*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Bantani, Muhammad Nawawi bin Umar. (2008). *Fath al-Majid fi Sharh al-Dur al-Farid fi ‘Ilm al-Tawhid*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad. (2001). *Tuhfah al-Murid ‘ala Jawharah al-Tawhid*. Surabaya: al-Haramayn.
- al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad. (2010). *Tahqiq al-Maqam ‘ala Kifayah al-‘Awam fi ‘Ilm al-Kalam*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad. (2012). *Sharh al-Sanusiyah*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. (1997). *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. Damsyik : Dar al-Fikr.
- al-Damanhuri, Ahmad bin ‘Abd al-Mun‘im, (2011). *Idah al-Mubham min Ma‘ani al-Sullam*. Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.

- al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad. (2012). *Hashiyah al-Dusuqi 'ala Sharh Umm al-Barahin*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Fadani, Muhammad Yasin Isa. (T.th). *Risalah fi 'Ilm al-Mantiq 'ala Tariq al-Sual wa al-Jawab*. Pulau Pinang : Dhi Yunaitid.
- al-Fatani, Abd al-Qadir Wangah. (T.th). *Taqrib al-Ikhwani fi Ta'allum 'Aqa'id al-Iman*. Patani : t.p.
- al-Fatani. Ahmad bin Muhammad Zayn. T.th. *Faridah al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqid*. Patani : Matba'ah Ibn Halabi.
- al-Fatani, Daud bin Abdullah. T.th. *al-Dur al-Thamin*. Patani : Matba'ah Ibn Halabi.
- al-Fatani, Ismail bin Umar. T.th. *Mizan al-dharari Pada Terjemah dan Menerangkan Kitab Tijan al-Darari bi Sharh Risalah al-Bajuri*. Patani : Ma'had Dar al-Muhajirin.
- al-Fatani, Wan Ismail bin Wan Abd al-Qadir. T.th. *Tabsirah al-Adani bi Alhan Bakurah al-Amani*. Patani : Matba'ah Ibn Halabi.
- al-Fatani, Zayn al-'Abidin bin Muhammad. T.th. *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din*. Patani : Matba'ah Ibn Halabi.
- al-Hifni, Yusuf. (2013). *Hashiyah al-Hifni 'ala Isaghuji*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail bin Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim* Jil. 1. T.t.p. t.p.
- Ishak Mohd. Rejab. (1993). *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Awang. (2001). *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Saleh. (1996). *Biografi Ulama Kedah Darul Aman* Jil. 1. Alor Setar : Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- al-Jalal, al-Jamal Ali. (1985). *Sharh al-Tahdhib Ma'a al-Hashiyah*, Beirut : Dar al-Masirah.
- al-Jurjani, Ali bin Muhammad. (1998). *Sharh al-Mawaqif*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Laqani, Ibrahim bin Ibrahim. (2019). *Hidayah al-Murid li Jawharah al-Tawhid*. Kaherah : Dar al-Mirath al-Nubuwwah.
- M. Rusydi. (2007). The Influence of Muhammad Arsyad al-Banjari on the Religiosity of Banjarese Society. *Al-Banjari* 5(10) : 1-19.
- Muhammad Ali. (2018). *Iqd al-Fara'id fi Sharh al-'Aqa'id*. Kerachi : al-Bushra.
- Muhamad Rauf bin Minhat. (2014). *Petunjuk Bagi Yang Baru Belajar Pada Mengenal Islam dan Iman Oleh Abu Abdullah Husain Nashir Bin Muhammad Tayyib al-Mas'udi al-Banjari*. Melaka : Menuju Puncak Supply & Services.
- Napisah Karimah binti Ismail & Farid bin Mat Zain. (2011). Sumbangan Tuan Husain Kedah Terhadap Perkembangan Islam di Kedah. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) : Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Samarqandi, Shams al-Din. T.th. *Al-Saha'if al-Ilahiyyah*. Riyadh : t.p.
- al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf. (2013). *Sharh Umm al-Barahin*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Sharqawi, Abdullah bin Hijazi. (2013). *Hashiyah al-Sharqawi 'ala Sharh al-Hudhudi*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Shukri Ahmad. (2001). Pendekatan Karya Ulama Tradisional di Kedah : Tumpuan Kepada Karya-Karya Jawi Tuan Guru Haji Abu Bakar Palestin, Hanafiah Taib al-Qadhi (1908-1998M). *Jurnal Usuluddin* 13 : 95-114.
- Suhainim Abdullah. T.th. *Sumbangan Ulama Banjar di Kedah*. Dlm.

- <http://www.kdhlib.gov.my/wacana/> (23 Julai 2020).
- al-Suhaymi, Ahmad bin Muhammad. (1983). *Al-Muqtadi bi Sharh al-Hudhudi 'ala Umm al-Barahin*. Patani : Kedai Kitab Ihya' Ulumiddin.
- al-Sumbawi, Muhammad Zayn al-Din Muhammad Badawi. (T.th). *Siraj al-Huda*. Kaherah : Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh bi Misr.
- al-Tabari. Muhammad bin Jarir. (1994). *Tafsir al-Tabari min Kitabihi Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Quran* Jil. 1. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- al-Taftazani, Mas'ud bin Umar. (1998). *Sharh al-Maqasid*. Beirut : 'Alim al-Kutub.
- Tajuddin Saman. (1993). *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.
- al-Quwaysini, Hasan Darwish. (2014). *Sharh al-Shaykh Hasan Darwish al-Quwaysini 'ala al-Sullam fi al-Mantiq*. Jakarta : Dar al-Kutub al-Islamiyyah.